

02/09/1999

Mahathir mahu syarikat tempatan dapatkan projek di luar negara

KUALA LUMPUR, Rabu - Industri pembinaan tempatan perlu memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman mengendalikan projek besar kerajaan untuk mendapatkan kontrak asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kapasiti Malaysia dalam sektor pembinaan di luar negara kini semakin memberangsangkan berikutan kemampuan negara mengeluarkan pelbagai produk bermutu tinggi.

"Ternyata Malaysia sudah menghasilkan pelbagai bahan binaan bermutu, malah 70 peratus daripada pengeluaran negara adalah untuk eksport.

"Apa yang kerajaan mahu sekarang ialah syarikat tempatan menyertai syarikat asing terutama dalam mendapatkan tender pembinaan di luar negara dan ia adalah satu daripada cara terbaik untuk membantu meningkatkan hasil eksport negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Minggu Pembinaan Antarabangsa di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu dan Pengerusi Majlis Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Datuk Abdul Rahman Yaacob dan Pengerusi Reeds International Sdn Bhd, Dr Tajuddin Jali.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata ketika kegawatan ekonomi banyak peluang ada di luar negara yang memerlukan industri itu menimba pengalaman daripada syarikat pembinaan antarabangsa menerusi pakatan bijak.

"Bagaimanapun, untuk menjamin pakatan yang padu wujud, syarikat-syarikat ini harus mempunyai kelebihan tertentu agar memperolehi manfaat daripada sinergi yang dihasilkan daripada pakatan ini," katanya.

Justeru, kata Dr Mahathir, peluang untuk membina pelbagai projek besar milik kerajaan di negara ini memberi kelebihan kepada syarikat Malaysia terutama pengalaman bagi mengendali sebahagian daripada projek yang besar dan canggih.

"Apabila kerajaan membuat keputusan untuk meneruskan apa yang dipanggil projek mega, terdapat lebih daripada satu dimensi yang ketara dan tidak ketara untuk diperolehi.

"Memang tidak dapat dinafikan bahawa projek besar, dari segi saiznya saja akan memberi tumpuan kepada negara ini, ia adalah langkah pertama untuk memberitahu dunia mengenai kewujudan kita.

"Bagaimanapun, apa yang lebih penting ialah pelaburannya dalam bentuk pengalaman yang dibawa oleh projek berkenaan.

"Tembok Besar China misalnya, mencetus tumpuan kepada China, tetapi apa yang menjadikannya lebih agung ialah kejayaan kejuruteraan bagi projek itu," katanya.

Begitu juga katanya, projek mega seperti bangunan Empire State (New York), Jambatan San Francisco, terowong yang menghubungkan Prancis dan Britain, semuanya adalah projek agung bukan kerana saiznya tetapi lebih kepada pembabitian negara berkenaan dalam cabaran kejuruteraan dan modal pengetahuan, yang menjadi faktor utama kejayaan pelbagai projek berkenaan.

"Berdasarkan kelebihan inilah konglomerat pembinaan mendapat tender untuk projek di seluruh dunia," katanya.

Justeru, ketika menjawab soalan wartawan asing pada sidang akhbar selepas itu, Perdana Menteri membidas mengenai penggunaan perkataan projek mega yang sering dilemparkan kepada kerajaan.

Menurutnya, pihak swasta negara ini telah membina pelbagai projek mega seperti taman tema Sunway Lagoon atau projek perumahan besar-besaran oleh syarikat Land & General Sdn Bhd.

"Setiap projek di Malaysia adalah mega kerana jika kita lihat sektor

swasta, setiap projek yang dilakukan adalah mewujudkan sebuah bandar baru yang membabitkan pelaburan berbilion ringgit... tidak ada siapa yang membuat bantahan.

"Tetapi bila kerajaan membuat projek yang sama seperti swasta, projek yang mempunyai potensi besar untuk membawa keuntungan kepada kerajaan, ada segelintir orang yang memanggilnya projek mega.

"Rakyat tempatan pula mengulanginya, sedangkan perkataan mega itu asalnya ditimbulkan oleh sebuah akhbar asing.

"Adakah rakyat tidak mempunyai fikiran sendiri, mengulangi apa saja yang diperkatakan orang asing.

"Seperti burung kakak tua mereka pandai berkata-kata. Bila orang kata mega... (dia kata) mega..; kroni... aha kroni... transparent... oh! telus.

"Tidakkah mereka mempunyai kemampuan sendiri. Adakah rakyat Malaysia tidak mempunyai kemampuan sendiri... berfikir untuk mencipta perkataan sendiri," bidasnya.

Menyentuh isu lain, Dr Mahathir berkata walaupun ekonomi sudah mulai pulih dengan pertumbuhan positif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini, industri pembinaan tidak boleh mengaku berjaya lagi.

"Sebarang peningkatan dalam sektor penting ini, paling tidak, adalah dalam bentuk penurunan dalam pertumbuhan negatif. Ketika ekonomi sedang pulih, industri pembinaan perlu tunggu gilirannya untuk keluar dari belenggu itu," katanya.

Sehubungan itu katanya, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan bagi pembangunan kerana jika tidak berbuat demikian ekonomi negara akan terjejas.

"Kerajaan akan terus berbelanja untuk peruntukan pembangunan dan ia perlu dibuat dengan pantas, kerana jika mengikut prosedur biasa dan pelbagai karenah birokrasi, sehingga hujung tahun pun duit yang ada tidak dibelanjakan.

"Jika itu berlaku sektor pembinaan tidak akan membuat keuntungan dan ekonomi tidak meningkat, jadi adalah penting untuk membelanjakan wang yang disediakan kerajaan untuk tujuan pembinaan," tegasnya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut menyaksikan penyerahan sijil ISO 9000 kepada CIDB sebelum melawat pelbagai gerai di dewan pameran.

(END)